Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda



BIL: 13/20 RAMADHAN 1435H/18 JULAI 2014 **PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID**

Semua Perbuatan Baik Adalah Sedeqah

عن أبي موسى رضى الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: على كل مسلم صدقة، فقالوا: يا نبى الله، فمن لم يجد؟ قال: يعمل بيده، فينفع نفسه ويتصدق. قالوا: فإن لم يجد؟ قال: يعين ذا الحاجة الملهوف. قالوا: فإن لم يجد؟ قال: فليعمل بالمعروف، وليمسك عن الشر، فإنها له صدقة. (صحيح البخارى)

Diriwayatkan dari Abu Musa Radhiyallahu 'Anhu, Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam pernah bersabda, "Setiap Muslim harus bersedeqah." Seseorang bertanya, "Ya Rasulullah! Jika seseorang tidak memiliki apa pun untuk disedeqahkan, apa yang harus dia lakukan?" Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda, "Dia harus bekerja hingga memperolehi upah dan memberikan Sedeqah?" Lebih jauh orang-orang bertanya, "Bagaimana jika hal itu pun tidak dapat dia lakukan?" Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam menjawab, "Tolonglah orang yang memerlukan pertolongan." Orang-orang berkata, "Jika dia tidak dapat melakukan hal itu?" Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda, "Maka dia harus mengerjakan semua perbuatan baik yang Ma'aruf dan menghindari semua perbuatan buruk yang dilarang Islam, dan hal ini akan diperhitungkan sebagai pahala Sedeqah." [Shahih Al-Bukhari]

PENJELASAN HADITS

Setiap Muslim haruslah bersedeqah dan jika sekiranya dia tidak memiliki apa pun untuk disedeqahkan, maka hendaklah dia berbuat perkara kebaikan kerana semua perkara kebaikan yang dilakukan adalah dianggap sebagai Sedeqah, bahkan meninggalkan perkara-perkara maksiat dan mungkar juga adalah dianggap sebagai Sedeqah. Firman Allah dalam Surah Al-Lail ayat 5-10:

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَٱتَّقَىٰ ۝ وَصَدَّقَ بِٱلْحُسْنَىٰ ۝ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْيُسْرَىٰ ۝ وَأَمَّا مَنۢ بَخِلَ وَٱسْتَغْنَىٰ ۝ وَكَذَّبَ بِٱلْحُسْنَىٰ ۝ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْعُسْرَىٰ ۝

"Jelasnya, adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala laranganNya. Serta dia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan Syurga. Sebaliknya, orang yang bakhil daripada berbuat kebajikan dan merasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya. Serta dia mendustakan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan."

Sesiapa yang suka bersedeqah dan bertaqwa kepada Allah serta membenarkan adanya pahala yang terbaik di Syurga, maka sesungguhnya Allah akan mempermudahkan baginya jalan menuju kebahagiaan. Tetapi sesiapa yang bakhil, kedekut dan puas dengan kemewahan serta kesenangan untuk dirinya sendiri sahaja tanpa menghiraukan kesenangan orang lain serta mendustakan adanya pahala yang terbaik, nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan menuju kemalangan. Para Malaikat mendoakan kepada orang yang bersedeqah, **"Wahai Allah, berilah pengganti untuk apa yang telah diberikan seseorang untuk apa yang telah diberikan seseorang dengan niat kerana Engkau."**

Diriwayatkan dari Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu, bahawa Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam pernah bersabda, **"Setiap hari, dua Malaikat turun ke bumi, salah seorang dari mereka berkata: *"Ya Allah, gantilah harta orang yang bersedeqah di JalanMu dengan rezeki yang lebih banyak."* Sedangkan yang satunya lagi berkata: *"Ya Allah, binasakanlah harta orang yang menahan hartanya untuk disedeqahkan."***

Pengertian Zakat

Menurut Bahasa Arab: Berkembang, bertambah, berkat dan suci, jadi Zakat mensucikan pengeluarnya dari dosa dan mengembangkan pahalanya.

Menurut Istilah Islam: Kadar harta yang tertentu diberikan kepada yang berhak menerimanya dengan beberapa syarat.

Syarat Zakat

1. Islam, tidak wajib bagi orang bukan Islam
2. Merdeka
3. Milik sempurna
4. Cukup nisab
5. Sampai satu tahun disimpan dan cukup Haul
6. Tidak dipakai sebagai perhiasan wanita

رمضان مبارك

Bahagian Zakat

Zakat terbahagi kepada dua bahagian:

1. Zakat Harta
2. Zakat Fitrah

Zakat Harta

Zakat Harta terbahagi kepada beberapa jenis:

1. Zakat Emas dan Perak
2. Zakat Perniagaan
3. Zakat Binatang Ternakan
4. Zakat Pertanian
5. Zakat Ma'adin, Kunuz, Rikaz
6. Zakat Wang
7. Zakat Saham

Zakat Fitrah

Zakat Fitrah atau Zakat Tubuh badan diwajibkan pada akhir bulan Ramadhan ke atas setiap orang Islam yang cukup syaratnya. Orang yang wajib mengeluarkan Zakat Fitrah ialah orang Islam, Mukallaf dan mampu mengeluarkan Zakat serta mencukupi. Ini bererti apa yang dikeluarkan itu sudah merupakan barang yang lebihan daripada yang wajib, cukup untuk dipakai pada Hari Raya serta malamnya. Zakat Fitrah boleh dikeluarkan dalam bentuk wang menurut nilai atau harga umum pasaran. Di Negeri Selangor Darul Ehsan nilai wang zakatnya ialah RM7 bagi seorang.

Berzakat Membawa Berkat

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

ALLAH ADALAH WUJUD YANG MUTHLAQ TANPA RUPA DAN TANPA HAD

Telah berkata Al-'Alim Al-'Allamah Asy-Syaikh Muhammad Ibni Fadhlullah Al-Burhanpuri Rahmatullah 'Alaih di dalam kitabnya Risalah Tuhfah Al-Mursalah,

"Ketahui olehmu hai saudara, lagi dianugerahi Haqq Subhanahu Wa Ta'ala akan kiranya bahagia akan kami dan akan kamu, bahawasanya Haqq Subhanahu Wa Ta'ala itu Dia adalah Wujud yang Muthlaq, maka tiada bagiNya rupa, dan tiada bagiNya had hingga dan tiada bagiNya ketentuan yang tersimpan, dan tiada berbilang beserta ZhahirNya dan Tajalli kenyataanNya dengan rupa dan had, dan tiada Dia berubah-ubah daripada keadaanNya sedia ada yang tiada berupa dan tiada berhingga itu, dan Dia adalah Haqiqat yang menjadikan sekalian alam yang Maujud ini dan BathinNya, dan bahawasanya sekalian Maujud ini hingga zarrah jua pun tiada sunyi daripada Wujud itu dan bahawasanya Wujud itu tiada pada makna Tahqiq dan Ushul dari kerana keduanya itu daripada makna Mashdariyyah, tiada Maujud keduanya pada Kharij. Maha Tinggi Haqq Ta'ala daripada perkataan demikian itu dengan KetinggianNya yang amat besar."

TOKOH ISLAM

ANAS IBNI MALIK

Nama sebenar beliau ialah Anas bin Malik bin Al-Nadr bin Dhamdam bin Zayd bin Harom bin Jundub bin 'Amir bin Ghanm bin 'Adiyy bin An Najjar,Abu Hamzah Al-Anshari Al-Kharaji. Beliau juga termasuk dalam kerabat Rasulullah Shallallahu`Alaihi Wassalam yang sanadnya bertemu pada 'Amir bin Ghanm bin 'Adiyy. Di awal pertemuan beliau dengan Baginda Rasulullah Shallallahu`Alaihi Wassalam. Beliau baru sahaja berusia sepuluh tahun. Ketika Baginda Rasulullah Shallallahu`Alaihi Wassalam baru sahaja tiba di Al-Madinah Al-Munawwarah ibu Sayyidina Anas, 'Ummu Sulaym mendapati setiap masyarakat di Madinah membawa hadiah untuk diberikan kepada Baginda Rasulullah Shallallahu`Alaihi Wassalam yang baru sahaja tiba dari Makkah dalam peristiwa Hijrah.

Namun ibu yang mulia ini tidak mempunyai sebarang hadiah yang dapat diberikan kepada Baginda Rasulullah Shallallahu`Alaihi Wassalam, lalu beliau pun datang bertemu dengan Baginda Rasulullah Shallallahi`Alaihi Wassalam dan menyatakan kepada Baginda bahawa beliau tidak mempunyai sebarang hadiah disebabkan kemiskinan yang menghambat kehidupannya. Cuma beliau mempunyai seorang anak lelaki yang bernama 'Anas bin Malik. Ibu mulia ini terus menghadiahkan anak kesayangannya untuk menjadi khadam dan pembantu Baginda Rasulullah Shallallhu`Alaihi Wassalam, Akhirnya Sayyidina 'Anas telah menjadi pembantu, murid, pengikut, dan sahabat Baginda sehingga Rasulullah Shallallhu`Alaihi Wassalam memberi gelaran Abu Hamzah (singa) kepadanya. Beliau juga pemilik sandal dan kantung kulit Rasulullah dan pernah berkata "Aku sangat mendambakan bertemu Rasulullah"

Pernah pada suatu hari ibunya bertemu dengan Baginda Rasulullah Shallallahu Alaihi Wassalam lalu memohon kesejahteraan buat beliau lalu Rasulullah Shallallahu`Alaihi Wassalam berdoa,

"Ya Allah, Banyakkanlah hartanya, anaknya dan masukkanlah dia ke dalam Syurga".

Abu Hurairah Radhiyallahu`Anhu berkata "Saya tidak pernah melihat seorang Shahabat pun yang Shalatnya mirip Rasulullah Shallallahu`Alaihi Wassalam selain daripada Ibnu Ummu Sulaym (Anas bin Malik). Manakala Tsumamah berkata "Anas bershalat sehingga kakinya bengkak dan mengeluarkan darah kerana Shalatnya sangat panjang, semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala meridhainya. Ketaatan, ketaqwaan dan keberanian beliau dalam memperjuangkan Islam terserlah dari kecil kerana beberapa kali beliau turut serta mengikuti Rasulullah Shallallahu`Alaihi Wassalam keluar berperang berjihad menegakkan Islam. Dikatakan kepada beliau, apakah engkau menyaksikan Perang Badar? Beliau menjawab "Kemanakah saya kalau sampai tidak hadir?"

Dikatakan bahawa Anas adalah Shahabat Rasulullah Shallallahu`Alaihi Wassalam di Basrah yang paling terakhir wafatnya. Ketika sakit dia sering menyuruh agar ditalqinkan ***LA ILAHA ILLA ALLAH*** kerana mengatakan Malaikat Maut sudah datang sehingga menghembuskan nafasnya yang terakhir bersama di sisinya tongkat kecil Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam.

Anas bin Malik telah wafat pada umur 107 tahun pada hari jumaat, tahun 93H.

تكبير دوا هاري راي

ﭬد كدوا-دوا هاري راي عيد الفطري دان عيد الأضحى، أومة إسلام دڬالقكن برتكبير دان برتحميد دروﻣﻪ، دسوراو أتو دمسجد. تكبير هاري راي تربهاڬي كڤد دوا: 1) **تكبير مرسل** – تكبير يڠ دباچ تيدق مڠيريڠي صلاة 2) **تكبير مقيد** – تكبير يڠ دباچ مڠيريڠي صلاة سامأدا صلاة فرض أتو سنة. **تكبير هاري راي عيد الفطري:** سنة برتكبير مرسل دڠن سوارا يڠ پاريڠ ﭬد سڤنجڠ مالم هاري راي ڤرتام دروﻣﻪ-روﻣﻪ، دمسجد، دجالن راي أتو دڤكان دان دبندر. وقت تكبير مرسل إين أكن برأخير سهيڠڬا تكبيرة الإحرام صلاة سنة هاري راي عيد الفطري. باڬي مريك يڠ تيدق مڠرجاكن صلاة سنة هاري راي بوليهله برتكبير سهيڠڬا ڬلينچير ماتهاري ﭬد هاري راي ڤرتام. **تكبير هاري راي عيد الأضحى:** سنة برتكبير مقيد ايائيت تكبير ﭬد هاري راي عيد الأضحى مڠيريڠي تياڤ-تياڤ صلاة فرض سامأدا توناي أتو قضاء، صلاة سنة رواتب، صلاة سنة مطلق، صلاة سنة جنازة، صلاة سنة تحية المسجد، صلاة سنة وضوء، صبح هاري عرفة دان لائين-لائين. وقت تكبير مقيد إين دمولائي ﭬد مالم هاري راي حاجى عيد الأضحى سهيڠڬا تربنم ماتهاري ﭬد هاري تشريق 13 ذوالحجة. **لفظ تكبير دوا هاري راي:** الله أكبر الله أكبر الله أكبر، لا إله إلا الله والله أكبر، الله أكبر ولله الحمد – (3 كالى) الله أكبر الله أكبر الله أكبر، الله أكبرا والحمد لله كثيرا وسبحان الله بكرة وأصيلا، لا إله إلا الله ولا نعبد إلا إياه مخلصين له الدين، ولو كره الكافرون، لا إله إلا الله وحده، صدق وعده، ونصر عبده، وأعز جنده وهزم الأحزاب وحده، لا إله إلا الله والله أكبر، الله أكبر ولله الحمد.

FADHILAT QIYAMULLAIL

Allah Ta'ala berfirman pada Surah Al-Isra ayat 79:

وَمِنَ ٱلَّيۡلِ فَتَهَجَّدۡ بِهِۦ نَافِلَةٗ لَّكَ عَسَىٰٓ أَن يَبۡعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامٗا مَّحۡمُودٗا ۝

"Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah Sembahyang Tahajjud padanya sebagai sembahyang tambahan bagimu, semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada Hari Akhirat di tempat yang terpuji."

Diriwayatkan dari 'Ubadah Ibni Ash-Shamit Radhiyallahu 'Anhu, bahawa Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda,

"Barangsiapa yang bangun pada malam hari dan mengatakan: *"Tiada Tuhan selain Allah, tiada sekutu bagiNya, Dia Pemilik Kerajaan dan segala puji hanya untukNya, Dia Mahakuasa, segala puji hanya untuk Allah, seluruh keagungan hanya untuk Allah, tiada tuhan selain Allah, Allah Mahabesar, tiada daya dan kuasa kecuali dengan izin Allah,"* kemudian mengatakan, *"Ya Allah, ampunilah daku"* atau berdoa kepada Allah, maka doanya akan dikabulkan dan apabila dia berwudhu dan mengerjakan sembahyang malam Shalat Tahajjud, maka Shalatnya akan diterima Allah." [Shahih Al-Bukhari]